

**MIC Telah Serah 56 Nama Calon Kepada Najib – Palanivel  
Bernama  
20 Mei, 2012**

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- MIC telah menyerahkan senarai calonnya yang bakal bertanding pada pilihan raya umum ke-13 kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Presiden parti Datuk Seri G. Palanivel berkata senarai itu meletakkan dua nama bagi setiap kerusi yang akan ditandingi MIC.

"Kita telah menghantar dua nama calon bagi setiap sembilan kerusi parlimen dan 19 kerusi dewan undangan negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Ramah Mesra Masyarakat India Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas yang dihadiri kira-kira 1,000 orang, di sini Ahad.

Kata Palanivel perbincangan untuk menyenarai pendek nama-nama tersebut akan dilakukan selepas Perdana Menteri yang kini berada di Amerika Syarikat, kembali ke tanah air.

"Senarai calon yang dihantar adalah kombinasi muka baru dan lama termasuk calon wanita, mempunyai pengalaman dan sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda," katanya.

Palanivel berkata, MIC juga bersedia berbincang mengenai cadangan pertukaran kerusi dengan parti komponen BN yang lain berdasarkan situasi menang-menang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667392>